

20 MAR 2004

Pilihan raya-Pengundian/I

RAKYAT MALAYSIA MENGUNDI HARI INI DENGAN BN DIJANGKA RAIH MANDAT BESAR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Rakyat Malaysia keluar mengundi hari ini pada pilihan raya umum ke-11, dengan Barisan Nasional (BN) selaku parti memerintah diramal memperolehi mandat besar bagi kepimpinan baru Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Parti gabungan 14 komponen itu meminta 10.28 juta pengundi daripada penduduk seramai 23 juta supaya memberikan Abdullah, yang mula memegang jawatan berkenaan empat bulan lepas, dengan mandat yang kukuh untuk tempoh lima tahun akan datang sebagai sokongan terhadap program dan dasar beliau yang mengutamakan rakyat.

Sebanyak 7,300 pusat mengundi terutamanya sekolah serta dewan dan balai raya, akan dibuka dari pukul 8 pagi hingga pukul 5 petang hari ini.

Sebanyak 202 kerusi parlimen dan 493 kerusi negeri dipertandingkan, kebanyakannya melibatkan persaingan satu lawan satu antara BN dan parti pembangkang utama -- PAS, DAP dan Keadilan.

BN mencatatkan permulaan yang memberangsangkan pada hari penamaan calon pada 13 Mac, dengan memenangi 14 kerusi parlimen dan tujuh kerusi negeri tanpa ditandingi.

Ia mendapat tiga lagi kerusi parlimen dan empat kerusi negeri apabila calon lawan menarik diri dalam tempoh tiga hari yang dibenarkan.

Kejutan berlaku di Johor apabila PAS mendapat satu kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada hari penamaan calon setelah seorang calonnya menang tanpa bertanding, menghalang peluang BN menyapu bersih negeri kelahiran Umno itu.

Abdullah, yang mengetuai BN pertama kalinya pada pilihan raya umum selepas mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad, merayu pengundi supaya keluar beramai-ramai untuk mengundi pada pilihan raya umum di alaf baru ini.

Cuaca dijangka cerah di seluruh negara pada sebelah pagi sementara di

sebelah petang di Sabah dan Sarawak akan mengalami hujan sementara di satu, dua tempat.

Oleh kerana hari mengundi hari ini jatuh pada hari yang sama dengan perlumbaan Grand Prix Formula One Malaysia, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy menasihatkan mereka yang berhasrat menonton perlumbaan itu di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) supaya keluar mengundi dahulu sebelum ke tempat berkenaan.

Walaupun hanya memerlukan 93 kerusi lagi untuk menang majoriti mudah di Parlimen, penganalisis meramalkan BN akan menang besar untuk menguasai 80 peratus daripada 219 kerusi Dewan Rakyat.

Abdullah yang telah memberi amaran kepada pekerja jentera parti itu supaya tidak leka dengan kemenangan awal BN, menang tanpa bertanding, mengetuai kempen BN di negeri kelahiran beliau Pulau Pinang dan negeri jiran Kedah dan Perak.

Pada peringkat akhir, BN memastikan menawan kembali Terengganu dan Kelantan daripada PAS, Abdullah menggiatkan lagi kempen BN ke dua-dua negeri di pantai timur itu dengan mengadakan perjumpaan dengan rakyat pada dua hari terakhir sebelum hari mengundi.

Tempoh berkempen selama lapan hari berakhir tengah malam tadi.

Semasa Parlimen ke-10 dibubarkan pada 4 Mac lepas, BN mempunyai 152 kerusi, PAS 26, DAP 10, dan Keadilan 5.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) berharap mencapai 90 peratus pengundi mengundi pada pilihan raya umum ini berbanding 70 dan 75 peratus pada pilihan raya umum lepas.

Suruhanjaya itu menyatakan bahawa daftar pemilih telah dibersihkan dan nama pengundi yang telah meninggal dunia telah dikeluarkan.

Kira-kira 200,000 undi pos terdiri daripada 113,000 undi daripada Angkatan Tentera, 83,000 daripada polis dan 2,500 diplomat dan pelajar di luar negara.

SPR menjangkakan keputusan pertama diketahui pada pukul 7.30 malam, dengan beberapa kerajaan negeri boleh dibentuk menjelang pukul 10 malam.

Kira-kira 56,000 anggota polis akan ditugaskan di seluruh negara bagi menjaga keamanan dan keselamatan.

Abdullah ditentang oleh Abdul Khalid Rasid dari PAS di kawasan parlimen Kepala Batas, Pulau Pinang yang diwakili beliau sejak 1978.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga berdepan dengan seorang calon PAS iaitu Brig Jen (B) Datuk Zakaria Dahlan di kawasan parlimen Pekan, Pahang manakala Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting menghadapi tentangan Tan Hang Meng, calon DAP di kawasan parlimen baru, Tanjung Piai di Johor.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu mempertahankan kerusi parlimen Sungai Siput, di Perak dalam pertandingan tiga penjuror melibatkan S.Ponmugam dari DAP dan Dr D.Jeyakumar dari Keadilan.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dicabar calon DAP, Nga Hock Cheh dalam usahanya mengekalkan kerusi parlimen Beruas di Perak.

Di pihak pembangkang, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang bertemu sekali lagi dengan Datuk Abdul Rahman Bakar, calon BN bagi mempertahankan kerusi parlimen Marang, di Terengganu.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang pula mencuba nasib untuk kembali ke parlimen dengan mencabar penyandang Thong Fah Chong dari BN bagi kerusi Ipoh Timor, di Perak.

Presiden Keadilan Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dicabar di kawasan parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang oleh bekas Imam Besar Masjid Negara Datuk Pirdaus Ismail, calon BN.

-- BERNAMA

AZZ AZZ NHD MAI BK